

# Kemarau: Ikan, udang galah 'pulang' ke lubuk

UM 15/04/24 MIS 36

**JERANTUT:** Fenomena ikan sungai termasuk spesies udang galah 'pulang' ke lubuk di muara Sungai Tembeling di sini, memberi rezeki bukan sahaja kepada penduduk setempat malah perantau yang pulang ke kampung menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penduduk Kuala Tembeling, Sabri Abdullah, 55, berkata, ikan sungai 'pulang' ke habitat asal iaitu lubuk di situ kerana air Sungai Tembeling menjadi cetelek berikutan musim kemarau sejak awal Mac lalu.

"Fenomena ribuan ikan liar

berkumpul di sini kerana terdapat lubuk di muara Sungai Tembeling yang bercantum dengan Sungai Jelai, Lipis.

"Lazimnya, musim kemarau setiap tahun kawasan lubuk ini menjadi tumpuan ramai penduduk Kuala Tembeling dan kampung berdekatan keluar beramai menangkap ikan liar di sini," katanya di sini semalam.

Menurut Sabri, antara spesies ikan liar yang berkumpul di lubuk di muara Sungai Tembeling ialah lampam, kerai, baung, belida, patin, toman dan udang galah.



**SEORANG** penduduk menujukkan udang galah yang ditangkap di sungai berdekatan Kuala Tembeling di Jerantut.